



JABATAN BENDAHARI

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2020

GARIS PANDUAN BERKAITAN KADAR TAMBANG GANTIAN/TAMBANG SETARA KERETAPI KEPADA *ELECTRIC TRAIN SERVICE (ETS)* UNTUK STAF PELAKSANA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini disediakan sebagai garis panduan kepada perlaksanaan kadar tambang Gantian/Tambang Setara keretapi Kelas Dua (2) kepada kadar tambang gantian/tambang setara Electric Train Service (ETS) bagi staf pelaksana UniMAP. Perkara ini telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan kali ke 45 (Bilangan 1/2019) dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti kali kali ke 66 (Bilangan 2/2019).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kadar tambang gantian/tambang setara untuk staf pelaksana yang selama ini digunakan adalah mengikut jadual kadar tambang Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang dikeluarkan pada Oktober 2013 kelas dua (2).
- 2.2 Oleh kerana perubahan ekonomi semasa, pihak universiti perlu mengkaji semula kadar tambang gantian/tambang setara keretapi Kelas Dua (2) kepada kadar tambang gantian/tambang setara *Electric Train Service (ETS)* untuk staf pelaksana.

- 2.4 Perubahan ini adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Tahun 2013 (W.P 1.4), berkaitan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis) di dalam para 5.8.
- 2.5 Berdasarkan pekeliling yang dinyatakan seperti di atas, **Para 5.8** menerangkan tentang :

Para 5.8 -Tambang Gantian

5.8.1 Seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bertugas di satu tempat sahaja yang jaraknya melebihi 240km (sehala) daripada Ibu Pejabatnya dan terdapat perkhidmatan terus kapal terbang atau kereta api layak menuntut Tambang Gantian;

5.8.2 Pegawai hendaklah menyatakan di dalam borang tuntutan bahawa beliau menuntut Tambang Gantian. Syarat tuntutan Tambang Gantian adalah seperti berikut:

- (a) pegawai hendaklah menggunakan kenderaan persendirian;
- (b) kadar tuntutan Tambang Gantian adalah bersamaan dengan harga tiket bagi tambang kapal terbang atau kereta api mengikut mana yang berkenaan, yang dibenarkan berdasarkan kelayakan pegawai; dan
- (c) Tambang Gantian hanya layak dituntut sekiranya ia lebih menjimatkan berbanding tuntutan perjalanan

menggunakan kenderaan sendiri bagi menggalakkan perbelanjaan berhemah.

- 5.8.3 Seseorang pegawai yang menuntut Tambang Gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau bayaran tambahan yang berkaitan dengan perjalanan kapal terbang atau kereta api seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang/stesen kereta api dan sebaliknya,tambang dari lapangan terbang/stesen kereta api ke tempat penginapan dan sebaliknya, bayaran Cukai Lapangan Terbang atau bayaran tempat tidur dalam kereta api (berth charges);
- 2.6 Mengikut Arahan Perbendaharaan WP 1.4 : Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis) Mengikut **Para 5.11** adalah menerangkan tentang :

Para 5.11 -Tambang Pengangkutan Awam

5.11.1 seseorang pegawai yang tidak menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan yang disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur bagi menjalankan tugas rasmi, sama ada di dalam atau di luar Ibu Pejabatnya, adalah layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut:

- (a) Teksi/Kereta Sewa/Bas/Motobot/jenis pengangkutan lain dalam kategori ini.Tambang lazim yang dikenakan bagi sesuatu perjalanan tersebut dan disokong dengan resit sekiranya resit ada dikeluarkan;

(b) Kereta Api/Kapal Laut/jenis pengangkutan lain dalam kategori ini

<u>Gred</u>	<u>Kelas</u>
27 dan ke atas	Satu
26 dan ke bawah	Dua

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Perubahan pada kadar tambang setara bagi gred 40 dan ke bawah adalah berdasarkan kadar tambang keretapi (ETS) seperti berikut :

KADAR TAMBANG SETARA (TAMBANG PERGI BALIK)
Arau - Kuala Lumpur
RM73.00 x 2=RM 146.00
Kelas Gold

(kadar tambang ini adalah tertakluk kepada **perubahan harga tiket dari masa ke semasa)*

- 3.2 Bagi negeri-negeri lain yang tidak mempunyai lapangan terbang/stesen keretapi pegawai hendaklah membuat tuntutan tambang perjalanan. Bagi yang membawa kenderaan sendiri, tuntutan tambang perjalanan adalah kadar yang paling rendah antara tambang setara dan perbatuan (termasuk tol).
- 3.3 Perkara ini turut juga dipersetujui pada Mesyuarat Pengurusan Universiti kali ke 127(Bil 1/2019) menggunakan kadar tambang setara/tambang gantian untuk staf pelaksana sebanyak **RM 73.00** sehala.
- 3.4 Tuntutan tambang setara ETS ini adalah melibatkan peruntukan Belanja Mengurus dan tabung-tabung universiti.

4.0 TANGGUNGJAWAB

Semua Ketua PTJ bertanggungjawab untuk memastikan semua perbelanjaan PTJ dilakukan secara teliti, cekap, berkesan, berhemat, mempunyai value for money, berjimat dan berpegang kepada amalan-amalan terbaik supaya pengurusan kewangan berada pada tahap yang terkawal dan telus.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Januari 2020**.